





CAREER MEET UP: GRADUAN

Program Career Meet Up bersama pihak GRADUAN telah diadakan pada 28 Jun 2022. Seramai 5 pegawai daripada Pusat Kerjaya dan Kaunseling dan 2 wakil daripada pihak GRADUAN telah bertemu secara maya melalui platform Google Meet.

Perbincangan adalah tentang kerjasama Pusat Kerjaya dan Kaunseling dengan pihak GRADUAN bagi membantu kebolehpasaran graduan melalui karnival kerjaya yang dianjurkan oleh pihak GRADUAN.




PROGRAM CAREER TALK BERSAMA MAYBANK DAN QWORK

Pusat Kerjaya dan Kaunseling dengan kerjasama Kolej Pengajian Seni Kreatif dan syarikat Qwork telah mengadakan program Career Talk by Qwork pada 2 Jun 2022. Seramai 30 orang pelajar dari Kolej Pengajian Seni Kreatif telah menyertai program ini.

Pada 10 Jun 2022, program diteruskan lagi bersama Maybank. Seramai 22 orang pelajar telah menyertai program ini secara maya melalui platform Zoom.

Program ini juga dapat menghubungkan pelajar dengan syarikat sekaligus mendapat maklumat tambahan yang terkini berkaitan kerjaya serta dapat memberikan bimbingan secara atas talian antara majikan dan pelajar supaya pelajar mendapat gambaran yang lebih jelas tentang persediaan kerjaya.

Program ini juga membantu universiti untuk mencapai PI 30 iaitu jumlah syarikat yang terlibat dalam aktiviti kerjaya.





PUSAT KERJAYA DAN KAUNSELING

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Aras 5, Kompleks Budisiswa
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam

☎ 03 - 5544 2630/2379/3211/3496
✉ pkk@uitm.edu.my